

KAJIAN HUBUNGAN ETNIK DALAM KALANGAN REMAJA MUSLIM

***Halipah Hamzah**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang
3500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author's email: shalipah@ppinang.uitm.edu.my

Abstrak

Malaysia sering dikaitkan dengan kebijaksanaan dalam pengurusan keharmonian kaum. Ini kerana rakyat Malaysia hidup secara aman harmoni meskipun masyarakat di negara ini terdiri daripada lebih 70 kumpulan etnik dengan tiga kaum majoriti. Kajian-kajian empirikal berkaitan hubungan etnik di Malaysia mendapati bahawa masyarakat pelbagai kaum ini lebih selesa berada dalam kelompok etnik masing-masing. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim. Metodologi yang digunakan adalah kajian melalui soal selidik. Data yang diperolehi dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk peratusan melalui carta pai. Seramai 330 orang responden terlibat dalam kajian ini. Kebanyakan responden mempunyai tahap hubungan etnik yang baik dengan melibatkan hubungan dengan pelbagai kaum dan bangsa. Namun, masih terdapat segelintir remaja Muslim yang hanya menjalin hubungan dengan rakan sesama agama sahaja atas alasan saling memahami kerana persamaan agama. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim memuaskan namun masih belum sepenuhnya menepati kehendak syariat Islam yang mengarahkan hubungan etnik antara umat manusia perlu dijalin tanpa mengira agama, bangsa atau keturunan. Justeru, semua pihak memainkan peranan penting sama ada kerajaan, masyarakat, mahupun individu itu sendiri dalam memastikan hubungan etnik terjalin secara harmonis ke arah mewujudkan perpaduan kaum.

Katakunci: Islam, hubungan etnik, remaja, Muslim

Abstract

Malaysia is often associated with wisdom in the management of communal harmony. This is because Malaysians live peacefully in harmony even though people in this country of more than 70 ethnic groups with the majority of three. Empirical studies related to ethnic relations in Malaysia found that these diverse communities are more comfortable in their respective ethnic groups. This study aims to identify the level of ethnic relations among Muslim youth. The methodology used is the study through questionnaires. Data were analyzed and presented in the form of a percentage of the pie chart. A total of 330 respondents participated in this study. Most respondents have a good level of ethnic relations involving contact with various races. However, there are still only a handful of Muslim youth in a relationship with a fellow on the ground of religion only understand each other because of the similarity of religion. Results showed that the level of ethnic relations among Muslim youth but still not entirely satisfactory to meet the requirements of Islamic law that directs ethnic relations should be established between human beings regardless of religion, race or ethnicity. Thus, all parties play an important role

whether the government, society, or even individuals themselves to ensure harmonious ethnic relations established towards creating unity.

Keywords: Islam, ethnic relations, youth, Muslim

1.0 PENGENALAN

Hubungan etnik berkait rapat dengan seluruh struktur sosial masyarakat. Ini kerana hubungan etnik dapat mencerminkan sifat sesuatu struktur sosial masyarakat, mencerminkan keadaan sosial dan ikatan sosial keseluruhan dalam masyarakat, memberi pemahaman mengenai darjah pluralisme sosial dan kebudayaan serta punca konflik, mencerminkan darjah dan sumber ketegangan sosial dalam sesebuah komuniti, memahami isu prasangka dan diskriminasi di sesebuah negara, menggambarkan peranan faktor personaliti dalam menentukan tingkah laku ahli masyarakat dan mempengaruhi dasar sosial serta perancangan sosial (Zaid et al., 2006).

Negara Malaysia mempunyai lebih daripada 70 kumpulan etnik. Ditambah dengan kelompok yang mewakili sub-etnik, kumpulan bahasa dan dialek maka jumlahnya melebihi 200 kumpulan. Meskipun berada dalam komposisi etnik, budaya dan bahasa yang begitu kompleks, Malaysia berjaya mengekalkan keharmonian dan kerukunan dalam kehidupan bermasyarakat serta pencapaian pembangunan negara. Justeru, keunikan tadbir urus negara dalam mengolah perpaduan dalam kepelbagaian merupakan suatu perkara yang amat penting. Ini kerana, aspek tadbir urus dalam kepelbagaian ini membawa kepada kefahaman terhadap proses kesepaduan sosial dalam kehidupan masyarakat (Shamsul Amri, 2012).

Integrasi kaum ini secara relatifnya dapat direalisasikan kerana faktor keamanan dan pembangunan yang dikecapi bersama secara adil berdasarkan kebolehan, kemampuan, peluang individu dan peranan kerajaan sebagai pemerhati. Bagi menjayakan pembangunan hubungan antara kaum dan etnik, antara agenda yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah kempen kesedaran dan aktiviti kebajikan masyarakat. Penghayatan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional dan aplikasi satu kebudayaan yang bersifat multiras merupakan perkara yang penting bagi memastikan keamanan dan kemakmuran terus berkekalan (Ezad Azraai et al., 2005). Apa yang nyata, kesepaduan sosial dan jaminan keharmonian rakyat berbilang kaum dan etnik di Malaysia terbentuk hasil daripada pelaksanaan konsep perkongsian kuasa, pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, peluang pendidikan dan pekerjaan yang sama antara kaum, kebebasan beragama yang dijamin perlembagaan negara, perlindungan terhadap hak-hak kaum minoriti dan dasar-dasar awam kerajaan berhubung dengan sosial, ekonomi dan pendidikan. Elemen-elemen tersebut wajar dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan etnik rakyat Malaysia di semua peringkat sama ada pada peringkat kanak-kanak, remaja atau dewasa.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Islam mengarahkan umatnya supaya menjalin hubungan dengan sesama umat manusia tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa, kaum dan sebagainya. Ajaran Islam menegaskan bahawa perbezaan dalam kalangan manusia bukan merupakan satu halangan bagi mereka untuk saling berkenal-kenalan, saling bantu-membantu dan saling berkasih sayang antara satu sama lain. Malahan Islam turut mengiktiraf kepelbagaian etnik dan memandang positif terhadap kepelbagaian tersebut. Hal ini dijelaskan menerusi firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah S.W.T. ialah orang yang lebih takwanya

antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).
(Surah al-Hujuraat, 49:13)

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T. menyeru kepada sekalian umat manusia supaya saling berkenalan, saling hormat menghormati dan menegah mereka daripada bersikap sombong serta berbangga dengan darjat keturunan masing-masing (Salahuddin & Omar, 2009). Sayyid Qutb membahaskan bahawa agama Islam mengajar umat manusia untuk saling mengenali dan secara jelas menolak sebarang bentuk rasisme, ta'asub kumpulan, perkauman ataupun sikap asabiyyah yang merosakkan. Rasulullah S.A.W. telah menunjukkan tauladan kepada umatnya, mempersatukan penduduk Madinah yang berbilang kabilah, bangsa dan agama. Berkesinambungan daripada realiti hubungan antara etnik selanjutnya ialah kisah yang memaparkan penyatuan komuniti Aus dan Khazraj melahirkan kelompok Ansar. Begitu juga, Rasulullah S.A.W. membangunkan hubungan etnik yang konstruktif apabila kelompok Muhajirin dan Ansar berkongsi kehidupan dalam satu wilayah dalam suasana aman dan damai. Manusia yang menyatakan keunggulan satu ras dan mempercayai bahawa mereka lebih unggul daripada bangsa yang lain, mereka sebenarnya telah melupakan satu hakikat penting bahawa tiada satu pun nilai-nilai tersebut bersifat abadi (Qutb, 2009).

Menurut Ibn Kathir (1998), Allah S.W.T. menyatakan kepada umat manusia bahawa Dia telah menciptakan mereka daripada satu jiwa dan daripadanya Dia menciptakan pasangannya, iaitu Adam A.S. dan Hawa. Seterusnya, Dia menjadikan mereka berbangsa-bangsa. Dengan demikian, dalam hal kemuliaan, seluruh umat manusia dipandang sama dari sudut ketanahannya dengan Adam A.S. dan Hawa. Unsur yang membezakan darjat antara manusia di sisi Allah S.W.T. hanyalah ketakwaan, bukan keturunan. Ada beberapa hadis yang menjelaskan hal tersebut yang diriwayatkan langsung daripada Rasulullah S.A.W. Antaranya, Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a., dia berkata: Rasulullah S.A.W. bersabda: “Sesungguhnya Allah S.W.T. tidak melihat rupa dan harta benda kalian, tetapi Dia melihat hati dan amal perbuatan kalian.” Hadis ini juga diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Ahmad bin Sinan, daripada Katsir bin Hisyam.

Seterusnya, Imam Ahmad meriwayatkan daripada Abu Dzarr r.a., dia menceritakan bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda kepadanya: “Lihatlah, sesungguhnya engkau tidaklah lebih baik daripada orang kulit merah dan hitam kecuali jika engkau melebihkan diri dengan ketakwaan kepada Allah S.W.T.” Hadits diriwayatkan sendiri oleh Imam Ahmad. Allah S.W.T. juga mengingatkan manusia bahawa Dia Maha Mengetahui semua urusan makhluk-Nya, sehingga dengan demikian Dia bebas melakukan apa yang dikehendaki sama ada memberikan petunjuk, menyesatkan, menyayangi, menimpa siksaan, atau memberikan kebaikan. Sesungguhnya Dia juga Maha Bijaksana, Maha Mengetahui dan Maha Mengenali mengenai semua perkara tersebut.

Antara sebab turunnya ayat ini, as-Sayuthi (2013) menyatakan terdapat suatu riwayat yang mengemukakan bahawa ketika pembukaan Kota Makkah, Bilal bin Rabah naik ke atas Kaabah untuk melaungkan azan. Kemudian beberapa orang berkata: “Apakah patut seorang budak hitam azan di atas Kaabah?” Maka yang lainnya pula berkata: “Sekiranya Allah S.W.T. membenci orang ini, pasti Dia akan menggantikannya.” Ayat ini turun sebagai penjelasan bahawa tidak ada diskriminasi di dalam Islam dan orang yang paling mulia di sisi Allah S.W.T. adalah orang yang paling bertakwa. (Diriwayatkan oleh Ibnu Abi Hatim daripada Ibnu Abi Mulaikah). Riwayat lain pula mengemukakan bahawa ayat ini turun berkisar mengenai kisah Abi Hindin yang akan dikahwinkan oleh Rasulullah S.A.W. dengan seorang wanita keturunan Bani Bayadhah. Kemudian Bani Bayadhah berkata: “Wahai Rasulullah, patutkah kalau kami mengahwinkan puteri-puteri kami dengan hamba-hamba kami?” Ayat ini turun sebagai penjelasan bahawa dalam Islam tidak ada perbezaan di antara bekas hamba dengan orang yang merdeka.

(Diriwayatkan oleh Ibnu Asakir di dalam kitab *Mubhamat* (yang ditulis tangan oleh Ibnu Basykual) daripada Abu Bakar bin Abi Daud di dalam tafsirnya.

Hubungan Muslim dengan non-Muslim (Yahudi) pada zaman Rasulullah S.A.W. adalah baik. Kaum Yahudi di Madinah terdiri daripada tiga golongan besar atau suku iaitu Bani Nadhir, Bani Qainuqa' dan Bani Quraizah. Pada peringkat awal, sambutan kaum Yahudi terhadap Rasulullah S.A.W. di Madinah amat menggalakkan. Ini kerana, mereka mengandaikan bahawa Baginda S.A.W. akan bekerjasama dengan mereka. Di pihak Rasulullah S.A.W. sendiri telah berusaha dengan sedaya upaya untuk memenangi hati kaum Yahudi. Baginda S.A.W. kerap mengadakan perbincangan dengan ketua-ketua kaum Yahudi. Semua penganut-penganut agama termasuk kaum Yahudi diberikan kebebasan beragama. Di samping menghormati agama Islam dan nilai-nilai Islam, agama-agama lain dan adat budaya non-Muslim tidak dinafikan.

Begitu juga dengan struktur masyarakat yang berbilang agama, keturunan dan suku kaum terus dikekalkan dan dihormati. Ketua-ketua suku berperanan menguruskan anggota suku masing-masing. Apabila kedua-dua belah pihak saling percaya-mempercayai antara satu sama lain, Baginda S.A.W. lantas menubuhkan sebuah negara yang berdaulat berasaskan undang-undang yang telah diterima umum dinamakan sebagai Piagam Madinah (Mahayudin, 2001). Piagam ini mengandungi 47 fasal merangkumi pembentukan ummah, hak asasi manusia, perpaduan seagama, tugas warganegara, melindungi negara daripada ancaman musuh, politik perdamaian, ekonomi dan sebagainya (Abdul Ghafar, 2009).

Seterusnya, hubungan Muslim dengan ahli Kitab pada zaman Rasulullah S.A.W. juga memuaskan. Madinah merupakan pusat pentadbiran semasa Rasulullah S.A.W. menjadi pemimpin negara. Pada masa itu, Madinah berjiran dengan dua kuasa besar, kerajaan Rom dan Parsi. Raja pemerintah Rom adalah ketua kaum Nasrani dan Raja Parsi pula ketua pengikut wathaniyah. Setelah beberapa tahun memerintah, Rasulullah S.A.W. telah merangka dasar luar dengan mengutuskan perutusan diplomat. Hubungan diplomasi ini berlaku rancak selepas peristiwa perdamaian Hudaibiyah dengan golongan Quraisy Mekah. Sebenarnya, semasa Baginda S.A.W. berada di Mekah pun perutusan telah dihantar ke Habsyah yang diperintah oleh Raja Najjasi beragama Kristian. Baginda S.A.W. telah menulis warkah dan mengutus diplomat kepada Raja Rom (Byzantium), Raja Parsi (Sasan) dan al-Muqawqis penguasa Iskandariah di Mesir. Sekurang-kurangnya tiga perutusan telah dihantar oleh baginda Rasulullah S.A.W. ke Syria yang dikuasai oleh pemerintahan Rom yang berpusat di Constantinople.

Beberapa prinsip telah diasaskan dalam hubungan dua hala antara pemerintahan Rasulullah S.A.W. dengan negara jiran seperti Rom. Antaranya baginda menyatakan kedudukannya sebagai Nabi dan Rasul, sebagai ketua pemerintah, dan menyeru supaya menerima ajaran agama Islam. Raja Parsi tersinggung dan marah dengan kenyataan tersebut dan memerintah gabenor di Yemen mengambil tindakan ke atas Baginda S.A.W. Namun, al-Muqawqis dan al-Najjasi menerima dengan baik. Al-Muqawqis telah memberi hadiah kepada Baginda S.A.W. Al-Najjasi pula telah diminta supaya memberikan bantuan dan kemudahan kepada orang Islam yang berada di Habsyah untuk pulang ke Madinah. Raja tersebut telah menyediakan dua buah kapal bagi tujuan tersebut.

Terdapat beberapa dasar yang dilaksanakan dalam ikatan perhubungan ini, antaranya tiada paksaan dalam menganuti ajaran Islam ke atas ahli kitab. Ini jelas dalam ajaran Islam bahawa tiada paksaan dalam agama. Hal ini terbukti dengan termeteri Piagam Madinah yang dipersetujui bersama. Muslim hendaklah patuh kepada agama Islam dan kekal di dalamnya. Penganut agama ahli Kitab dibenarkan kekal dalam agama mereka seperti yang tercatat dalam dokumen pembentukan negara Madinah yang diterajui oleh Rasulullah S.A.W. Dalam aspek kemasyarakatan orang Islam lelaki dibenarkan berkahwin dengan wanita ahli Kitab. Begitu juga, Muslim dibenarkan memakan makanan dan sembelihan mereka. Keadaan ini telah menjalinkan hubungan yang baik dan harmoni antara Muslim dengan ahli Kitab (Abdul Monir, 2016).

Bagi menjaga keharmonian, Islam memberikan garis panduan kepada umatnya dalam urusan pergaulan sesama manusia. Antaranya, umat Islam mestilah berlaku adil kepada sesama manusia tanpa mengira perbezaan warna kulit dan agama. Islam juga memerintahkan supaya umatnya berlaku adil dalam perkataan, penyaksian dan persoalan memberi hukuman (al-Qardhawi, 2000). Antara firman Allah S.W.T. berkaitan 'keadilan' sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

Allah S.W.T. tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah S.W.T. mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah S.W.T. hanya melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang yang memerangi kamu kerana agama kamu dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu serta membantu (orang lain untuk mengusir kamu). Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang yang zalim. (Surah al-Mumtahanah, 60:8-9)

Ayat di atas menerangkan antara kaedah pergaulan dengan non-Muslim. Ia merupakan kaedah yang paling adil dan sangat sesuai dengan fitrah agama Islam dari aspek arahan dan pandangannya terhadap kehidupan manusia. Kaedah ini juga merupakan asas syariat Islam dalam hubungan internasional. Ia menjadikan hubungan antara Muslim dan non-Muslim berada dalam keadaan stabil kecuali apabila berlaku permusuhan dan penyerangan terhadap umat Islam yang seharusnya dilawan (Qutb, 2009). Menurut al-Razi (t.t.), Ibn Abbas r.a. menyatakan bahawa ayat ini ditujukan kepada suku Khuza'ah kerana mereka telah mengadakan perjanjian dengan Rasulullah S.A.W. dan kaum Muslimin. Mereka juga berjanji tidak akan memberi bantuan pertolongan kepada mana-mana pihak yang memusuhi baginda dan kaum muslimin. Justeru, Allah S.W.T. memberi kelonggaran untuk berbaik-baik dengan mereka.

Menurut Ibn Kathir (1998), Allah S.W.T. tidak melarang Muslim untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang kafir yang tidak memerangi mereka kerana agama dan tidak mengusir keluar mereka daripada negeri asal mereka, seperti kaum wanita dan orang-orang lemah di antara mereka. Sesungguhnya Allah S.W.T. menyukai orang-orang yang berlaku adil. Imam Ahmad meriwayatkan daripada Asma' binti Abi Bakar r.a., dia bercerita: "Ibuku pernah datang kepadaku sedang dia dalam keadaan musyrik pada waktu kaum Quraisy melakukan perdamaian Hudaibiyah. Lalu aku katakan: "Ya Rasulullah, sesungguhnya ibuku datang kepadaku dan berharap (dia dapat bertemu denganku), apakah aku boleh menyambung hubungan dengannya?" Baginda S.A.W. menjawab: "Ya, sambunglah hubungan dengan ibumu." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Disebutkan dalam hadis sahih bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda: "Orang-orang yang berbuat adil di sisi Allah S.W.T. pada hari kiamat kelak berada di atas mimbar-mimbar yang terbuat daripada cahaya di sebelah kanan 'Arsy, iaitu orang-orang yang berbuat adil dalam hukum, keluarga, dan semua yang berada di bawah kekuasaan mereka." Hadis tersebut juga diriwayatkan oleh Muslim dan an-Nasa'i daripada hadis Sufyan bin 'Uyainah. Namun, Allah S.W.T. melarang Muslim berkawan dengan orang-orang yang telah melancarkan permusuhan terhadap mereka, kemudian mereka memerangi dan mengusir Muslim dan saling bantu membantu untuk mengusir mereka. Sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang zalim.

Unsur-unsur keadilan yang boleh diketengahkan dalam ayat ini ialah adil dalam memberi hukuman dan adil dalam memberi layanan sama ada layanan baik atau buruk. Merujuk kepada *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* (1994), perkataan adil dapat dibezakan dengan dua istilah iaitu *al-'adl* dan *al-'idl*. Istilah *al-'adl* merupakan keadilan yang ukurannya berdasarkan hati atau rasional akal manakala *al-'idl* merupakan keadilan yang dapat diukur dengan pancaindera.

Islam juga menggalakkan umatnya bersikap merendah diri iaitu tidak bersikap sombong dan sentiasa bersedia untuk menerima semua golongan dalam kalangan manusia sama ada kecil atau besar, lelaki atau perempuan, kaya atau miskin. Rasulullah S.A.W. menjelaskan hal ini dalam sabdanya bermaksud:

“Sesungguhnya Allah S.W.T. telah menghapuskan daripada kamu kesombongan dan kebanggaan zaman jahiliyyah dengan kerana keturunan. Seseorang itu sama ada dia mungkin seorang yang bertakwa atau penderhaka yang jahat. Kamu semua adalah anak cucu Adam A.S. dan Adam A.S. itu daripada tanah. Hendaklah mereka menghentikan kebanggaan mereka dengan kaum-kaum (mereka) yang sebenarnya ialah arang-arang bara api neraka, ataupun mereka akan dipandang rendah oleh Allah daripada kekaburan yang menyudu kekotoran dengan muncungnya.” (Ahmad, t.t.) Hadis Sahih. (Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi, Ahmad)

Hadis ini menerangkan bahawa manusia itu sama ada dia merupakan seorang Mukmin yang bertakwa ataupun seorang penderhaka yang jahat, tidak berkemungkinan untuk dinilai berdasarkan kepada keturunan atau keluarga mereka. Mereka juga tidak akan dinilai berdasarkan kepada kemewahan dunia yang mereka miliki. Ini bermaksud tidak ada tempat bagi sikap sombong dalam hidup seseorang Muslim itu sama ada kerana kelebihan diri sendiri atau keturunannya. Bagi Islam, manusia itu daripada satu keturunan sahaja, iaitu keturunan Adam A.S. yang diciptakan daripada tanah (Mahmood Zuhdi, 2011).

Rumusannya, manusia secara fitrah diciptakan oleh Allah S.W.T. dengan perbezaan fizikal dan budaya. Manusia wajar menerima dan menghormati perbezaan ini sebagai hukum alam. Perbezaan yang ada sewajarnya tidak dijadikan sebagai halangan untuk manusia berbaik-baik, bekerjasama dan saling bantu-membantu antara satu sama lain. Menurut kacamata agama Islam, kepelbagaian etnik memberikan kesan positif dengan berkenal-kenalan dan saling tolong-menolong ke arah kebajikan.

3.0 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat buku dan kajian ilmiah berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Antaranya, Hasnah (2013) dalam bukunya membincangkan pelbagai isu berkaitan dengan kenegaraan dan hubungan etnik. Isu-isu semasa yang dibincangkan adalah berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di dalam negara bertujuan memberi pengetahuan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Di samping mendidik masyarakat supaya hampir dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan hal ehwal kenegaraan dan hubungan etnik di Malaysia.

Mohd Rizal & Thay (2012) dalam kajian mereka memfokuskan kepada tahap hubungan etnik dalam kalangan pelajar dari segi kehidupan seharian pelajar, kegiatan pembelajaran pelajar dan kegiatan kokurikulum pelajar. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya, tahap hubungan etnik di kalangan pelajar dari segi kehidupan seharian pelajar, kegiatan pembelajaran pelajar dan kegiatan kokurikulum pelajar adalah pada tahap sederhana.

Kajian Nazri, Nik Yusri dan Ahmad Hidayat (2011) membincangkan pandangan Islam terhadap hubungan etnik berdasarkan al-Quran, hadis nabi, pendapat tokoh-tokoh Islam, konsep persamaan dan keadilan dalam Islam dengan melihat situasi hubungan etnik di Malaysia.

Ismail (2005) menjelaskan perhubungan etnik mestilah berpaksi kepada teori ajaran Islam yang komprehensif dan menyeluruh di mana al-Quran menjelaskan hikmah kejadian manusia yang pelbagai etnik. Hal ini agar manusia dapat hidup bersama, berkomunikasi dan tolong-menolong untuk hidup secara aman, membina ilmu dan kekuatan ekonomi serta teknologi dalam segala aspek kehidupan. Kebebasan beragama dalam Islam berdasarkan keyakinan untuk memilih agamanya. Konsep perkongsian kuasa, kebebasan beragama, perlindungan undang-undang terhadap kaum yang lemah merupakan dasar yang direstui Islam.

Kajian Rusimah et al. (2004) menjelaskan bahawa terdapat hubungan yang positif yang signifikan untuk pembolehubah suasana atau iklim interaksi antara kaum, tahap penyelesaian interaksi antara kaum dan

persepsi pelajar terhadap hubungan antara kaum. Hasil daripada kajian tersebut mendapati bahawa suasana interaksi dalam kalangan pelajar di kampus menunjukkan kecenderungan kepada keadaan yang positif berdasarkan peratus situasi yang lebih positif sebanyak 57% berbanding situasi yang negatif iaitu sebanyak 43%.

Dalam kajian Mansor (2001) tahap atau darjah etnik seseorang individu itu akan menentukan tingkahlakunya dipengaruhi oleh perkiraan etnik atau tidak. Individu yang tebal batas etniknya akan mengutamakan perkiraan etnik di dalam tingkahlakunya. Manakala individu yang nipis atau pupus batas etniknya akan mengutamakan perkiraan bersifat non-etnik hingga boleh menjalin perhubungan dengan individu-individu lain berdasarkan silang kumpulan. Dalam suasana sosial berbentuk ini, masyarakat akan lebih bersifat bersatu padu dan harmoni. Berbeza jika batas etnik itu tebal, individu hanya menjalin perhubungan dengan individu-individu lain berdasarkan persamaan etnik hingga wujud masyarakat yang terpisah dan berada dalam kelompok masing-masing tanpa terikat dengan nilai yang dikongsi bersama.

Hasil dapatan kajian Mohsin (1991) mengenai masalah hubungan etnik dalam kalangan mahasiswa di Malaysia mendapati bahawa kadar interaksi dalam kalangan responden di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM) adalah seragam dan lebih tinggi berbanding dengan responden di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Kajiannya juga mendapati bahawa pelajar universiti tidak menggunakan ruang dan peluang yang diberikan oleh universiti sepenuhnya untuk berinteraksi dengan kaum lain walaupun kehidupan di kampus memberi ruang dan peluang yang begitu luas untuk para pelajar daripada pelbagai kumpulan etnik untuk berinteraksi dan membentuk integrasi. Terdapat sebahagian pelajar yang berbeza etnik, masih lagi bersikap prasangka dan stereotaip. Keadaan ini menggambarkan wujudnya sikap bermusuhan dalam kalangan mereka dan akhirnya hubungan sesama mereka menjadi renggang.

Sanusi (1989) dalam kajiannya mengenai polarisasi kaum di institusi pengajian tinggi mendapati bahawa kebanyakan kegiatan yang melibatkan peluang-peluang interaksi para pelajar tidak mendorong kepada hubungan dan pergaulan yang meluas. Ini disebabkan para pelajar lebih cenderung untuk melakukan kegiatan sesama etnik. Antara faktor-faktor yang mendorong kepada wujudnya masalah polarisasi adalah disebabkan oleh masalah pelajar dan institusi yang akhirnya membawa kepada sanksi sosial (social sanction), masalah struktur dan perkembangan masyarakat yang membawa isu-isu kepentingan kaum-kaum tertentu dan masalah sistem politik serta ekonomi.

Kajian Abdullah (1984) di tiga buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) adalah berkenaan kadar interaksi dalam kalangan pelajar pelbagai kaum. Kajian tersebut mendapati bahawa darjah interaksi adalah tinggi hanya wujud dalam kalangan sesama etnik jika dibandingkan dengan kadar interaksi antara etnik. Kajian juga menunjukkan para pelajar kurang meminta nasihat atau pertolongan kerana ia melibatkan nilai emotif yang tinggi dan sukar dibincangkan dengan rakan etnik yang lain.

4.0 PERSOALAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Secara khusus persoalan kajian ini adalah berkaitan dengan tahap hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim dan alasan pemilihan sesuatu etnik sebagai rakan mereka. Signifikan kajian ini kepada masyarakat adalah menyedarkan kaum-kaum di negara kita mengenai kebaikan berkenal-kenalan dan menjalin hubungan baik sesama manusia. Sumbangan kajian ini kepada negara pula ialah membantu pihak kerajaan menilai semula keberkesanan dasar-dasar dan program-program yang telah dilaksanakan untuk memupuk integrasi kaum.

5.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap hubungan antara etnik dalam kalangan remaja Muslim dan alasan pemilihan sesuatu etnik sebagai rakan. Kajian ini juga bertujuan mengemukakan saranan untuk memperbaiki hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim.

6.0 KEPENTINGAN KAJIAN


Kepentingan kajian ini adalah dapat mengetahui tahap hubungan antara etnik dalam kalangan remaja Muslim. Seterusnya mencadangkan program-program yang lebih berkesan melibatkan penyertaan remaja pelbagai etnik. Di samping itu dapat mewujudkan kerjasama antara warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang dengan pihak penganjur program dan masyarakat khususnya golongan remaja.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan tinjauan awal yang dijalankan di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Populasi kajian melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda semester 3 dan 4. Saiz populasi berjumlah 2000 orang pelajar dan saiz sampel 330 orang (merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970) saiz sampel bagi populasi 2000 ialah 322). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap hubungan etnik dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. Kaedah yang digunakan di dalam penyelidikan ini adalah berbentuk soal-selidik. Penyelidik menggunakan satu set soal selidik ringkas. Antara soalan yang dikemukakan adalah mengenai maklumat peribadi responden, pemilihan rakan-rakan dan alasan mengenai pemilihan rakan-rakan daripada sesuatu bangsa. Dapatan data dianalisis menggunakan kaedah perisian SPSS dan dibentangkan menerusi carta pai.


8.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 330 orang remaja Muslim berusia antara 20 -23 tahun. Responden terdiri daripada 140 orang responden lelaki (42.4%) dan 190 orang responden perempuan (57.6%) (Carta 1).




Carta 1 Carta pai menunjukkan peratusan jantina responden

Hubungan inter etnik merupakan hubungan yang berlaku dalam kalangan etnik berbeza seperti Melayu dengan Cina, Melayu dengan India dan sebagainya. Manakala hubungan sesama etnik (intra etnik) merupakan hubungan yang berlaku sesama etnik atau sub-sub etnik dalam sesuatu etnik. Contohnya Bugis dengan Jawa, Melayu dengan Jawa dan sebagainya (Hornby, 2010). Secara umum sebanyak 92.4% (n=305) daripada responden menjalin hubungan dengan etnik-etnik lain dan hanya 7.6% (n=25) responden menjalin hubungan dengan sesama etnik mereka sendiri. Daripada peratusan tersebut sebanyak 95% (n=133) responden lelaki menjalin hubungan antara etnik manakala 5% lagi (n=7) responden lelaki hanya menjalin hubungan sesama etnik mereka sahaja. Manakala terdapat 90.5% (n=172) responden perempuan yang menjalin hubungan antara etnik dan 9.5% (n=18) responden tidak menjalin hubungan dengan etnik lain selain etnik sendiri (Carta 2). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden perempuan agak kurang menjalin hubungan antara etnik berbanding responden lelaki. Tahap jalinan hubungan sesama etnik sendiri juga memaparkan responden perempuan lebih tinggi berbanding responden lelaki.




Carta 2 Carta pai menunjukkan peratusan hubungan antara etnik secara keseluruhan

Secara keseluruhan sebanyak 1.0% (n=3) responden menjalin hubungan dengan satu kumpulan etnik, 9.8% (n=30) responden menjalin hubungan dengan dua kumpulan etnik, 28.2% (n=86) responden menjalin hubungan dengan tiga kumpulan etnik dan 61.0% (n=186) responden menjalin hubungan dengan empat kumpulan etnik ke atas (Carta 3). Hasil dapatan kajian menunjukkan tahap hubungan dengan berbilang etnik iaitu melebihi tiga kumpulan etnik berada di tahap sederhana iaitu 61%. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Abdullah (1984) mendapati bahawa interaksi sesama etnik terjadi disebabkan para pelajar mengadakan perbincangan pelajaran atau menyiapkan tugas manakala interaksi dengan etnik lain berlaku dengan tujuan memperbaiki esei atau catatan nota kuliah.




Carta 3 Carta pai menunjukkan peratusan tahap hubungan antara etnik secara keseluruhan

Sebanyak 10.5% (n=14) responden lelaki menjalin hubungan dengan dua kumpulan etnik, 24.1% (n=32) responden lelaki menjalin hubungan dengan tiga kumpulan etnik dan 65.4% (n=87) responden lelaki menjalin hubungan dengan empat kumpulan etnik ke atas (Carta 4). Hasil dapatan kajian memaparkan tahap peratusan responden lelaki yang menjalin hubungan dengan tiga kumpulan etnik masih di peringkat sederhana iaitu 65.4%.



Carta 4 Carta pai menunjukkan peratusan tahap hubungan antara etnik dalam

Bagi responden perempuan, sebanyak 1.7% (n=3) responden perempuan menjalin hubungan dengan satu kumpulan etnik, 9.3% (n=16) responden perempuan menjalin hubungan dengan dua kumpulan etnik, 31.4% (n=54) responden perempuan menjalin hubungan dengan tiga kumpulan etnik dan 57.6% (n=99) responden perempuan menjalin hubungan dengan empat kumpulan etnik ke atas (Carta 5). Hasil dapatan kajian mendapati tahap hubungan etnik responden perempuan dengan tiga kumpulan etnik ke atas memuaskan iaitu 89%. Perkara ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh Mansor (2001) yang mendapati bahawa majoriti pelajar tidak menghadapi masalah untuk berkawan dengan pelajar daripada etnik lain.



Carta 5 Carta pai menunjukkan peratusan tahap hubungan antara etnik dalam kalangan responden perempuan

9.0 KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan aplikasi hubungan antara etnik dalam kalangan remaja Muslim adalah baik, tahap hubungan inter etnik sebanyak 92.4% berbanding intra etnik sebanyak 7.6%. Namun, peratusan inter etnik belum mencapai sasaran sepenuhnya bagi melahirkan integrasi dan perpaduan kaum di negara kita. Perkara ini terjadi kerana masih terdapat sebilangan kecil golongan yang berada ditahap mengasingkan diri daripada etnik-etnik lain. Hal ini disebabkan mereka masih terikat dengan perasaan selesa dan selamat bersama dengan sesama etnik berbanding dengan etnik lain. Kecintaan mereka kepada budaya etnik sendiri masih menebal. Antara kaedah penyelesaian yang boleh dijalankan terhadap golongan ini ialah dengan melibatkan mereka dalam aktiviti-aktiviti inter etnik. Di samping itu, golongan ini juga perlu diberi pendedahan pengetahuan dan kesedaran mengenai kepentingan integrasi dan perpaduan. Semua pihak memainkan peranan untuk mewujudkan interaksi, integrasi sosial dan perpaduan dalam masyarakat umumnya dan golongan remaja khususnya. Sebagai umat Islam, segala arahan dan anjuran Islam wajar difahami, dihayati dan diaplikasi dalam kehidupan seharian.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abdullah Taib. (1984). *Integrasi dan Polarisasi Mahasiswa Universiti di Malaysia*. Laporan Teknikal, Biro Perundingan dan Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Abdul Ghafar bin Hj. Don. (2009). *Kajian Pemikiran Dakwah Muhammad al-Ghazali Kitab Fiqh al-Sirah*. Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Monir bin Yaacob. (2016). *Hubungan Islam dan Ahlul Kitab*. www.ikim.gov.my. Tanggal 07 Mei
- Ahmad Ibn Hanbal.(t.t.) *Musnad*. Beirut: al-Maktab al-Islami
- Al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam*. (1994). Beirut: Dar al-Musyriq
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2000). *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Terj. Mohammad Zaini Yahaya. Selangor: Penerbitan Seribu Dinar dengan kerjasama As-Syabab Media
- Al-Razi, Muhammad Umar. (t.t.). *al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi
- As-Sayuthi, Jalaluddin. (2013). *Asbabun Nuzul*. Terj. K.H.Q. Shaleh, H.A.A. Dahlan dan H.M.D. Dahlan. Kuala Lumpur: Victory Agencie
- Ezad Azraai Jamsari, Roziyah Sidik, Nasrudin Yunos dan Zulkarnain Mohamed. (2005). *Pengajian Islam*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hasnah Hussiin. (2013). *Artikel Kenegaraan dan Hubungan Etnik*. Pahang: Penerbit Universiti Malaysia Pahang
- Hornby, A.S. (2010). *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. United Kingdom: Oxford University Press
- Ibn Kathir, Ismail Ibn Kathir. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Ismail Ibrahim. (2005). *Perhubungan Etnik Menurut Perspektif Islam*. Kertas kerja di bentangkan di Seminar Pemantapan Kurikulum TITAS dan Hubungan Etnik Peringkat Kebangsaan, Riviera Bay Resort, Melaka 7–11 June
- Mahayudin Hj. Yahaya. (2001). *Tamadun Islam*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2011). *Peribadi Muslim*. Batu Caves, Selangor: Yamani Angel Sdn. Bhd.
- Mansor Mohd Noor. (2001). *Kajian Arah dan Tahap Pencapaian Perpaduan Negara di Insititusi Pengajian Tinggi, Malaysia*. Pulau Pinang : Pusat Penyelidikan Dasar,Universiti Sains Malaysia. (tidak diterbitkan)

- Mohd Rizal Mohd Said & Thay Cheow Yin. (2012). "Tahap Hubungan Etnik: Kajian Di Kalangan Pelajar Yang Mengikuti Kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup), Sesi Pengajian 2007-2008, Semester 2 Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai." *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Volume 6
- Mohsin Bin Peraman @ Parman. (1991). *Masalah Hubungan Etnik Di Kalangan Mahasiswa Universiti Di Malaysia*. Bangi : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa dan Ahmad Hidayat Buang. (2011). "Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam". *Jurnal Kajian Malaysia*, Vol. 29, No. 1. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Qutb, Sayyid. (2009). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq
- Rusimah Sayuti, Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah. Salma Ishak. (2004). *Kajian Hubungan Kaum di Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia*. Seminar Antarabangsa Pemantapan Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme, Langkawi, Kedah 4-6 September
- Salahuddin Abdullah & Omar Khalid. (2009). *Tafsir Mubin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sanusi Osman. (1989). *Ikatan Etnik dan Kelas Di Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Shamsul Amri Baharuddin (Ketua Editor). (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi, Selangor: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zaid Ahmad, Ho Hui Ling, Sarjit Singh Gill, Ahmad Tarmizi Talib, Ku Halim Ku Arifin, Lee Yok Fee, Nazri Muslim dan Ruslan Zainuddin. (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.